

Bil. S 27

PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005

**ATURAN-ATURAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH
(BAYARAN DAN KOS MAHKAMAH), 2005**

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pengenaan.
3. Bayaran dan kos Mahkamah.

JADUAL

PERINTAH ACARA MAL MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005**ATURAN-ATURAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH
(BAYARAN DAN KOS MAHKAMAH), 2005**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) bab 236 dari Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005, maka Ketua Hakim Syari'e dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Mahkamah-Mahkamah Syariah (Bayaran dan Kos Mahkamah), 2005 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005.

Pengenaan.

2. Aturan-Aturan ini hendaklah dikenakan kepada mana-mana prosiding yang dimulakan dalam sesebuah Mahkamah Syariah pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa Aturan-Aturan ini.

Bayaran dan kos Mahkamah.

3. Bayaran-bayaran dan kos-kos yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah kena dibayar dalam semua prosiding dalam Mahkamah Syariah.

JADUAL

(aturan 3)

BAYARAN MAHKAMAH**PERKARA-PERKARA MAL**

1. Apabila memfailkan saman, pernyataan tuntutan, permohonan atau tuntutan balas bagi sesuatu jumlah tertentu —

(a) jika jumlahnya tidak melebihi \$1,000	\$80
(b) jika jumlahnya adalah \$1,000 atau lebih tetapi tidak melebihi \$5,000	\$120
(c) jika jumlahnya adalah bagi \$5,000 atau lebih	\$200

JADUAL – *sambungan*

(aturan 3)

2. Apabila memfailkan saman, pernyataan tuntutan, permohonan atau tuntutan balas jika nilai hal perkara tidak dapat ditentukan sebelum tindakan tersebut	\$20
3. Catatan penyelesaian yang dicapai di luar Mahkamah	\$20
4. Mengeluarkan saman <i>madin</i> penghakiman	\$40
5. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah	\$100
6. Rayuan kepada Mahkamah Rayuan Syariah	\$200
7. Mendapatkan penghakiman atau Perintah	\$10
8. Permohonan bagi pelaksanaan penghakiman	\$10
9. Waran tangkap sebagai ganti atau sebagai penambahan kepada saman	\$40
10. Perintah pelaksanaan terhadap <i>madin</i> penghakiman	\$40
11. Perintah pengkomitan ke penjara	\$40
12. Bayaran perkhidmatan ke atas jumlah yang diperolehi dengan cara penahanan bagi melaksanakan sesuatu perintah	5% ke atas \$1,000 pertama 2.5% selepas itu
13. Jika tuntutan diselesaikan atau dikompromi selepas perintah penahanan dikeluarkan	Sepuluh peratus bayaran dalam perenggan 18
14. Menyampaikan sama, waran atau sepina —	
(a) dalam lingkungan 8 kilometer dari Mahkamah	\$20
(b) lebih dari 8 kilometer dari Mahkamah	\$40
15. Sara hidup sehari untuk <i>madin</i> (penghakiman) yang dipenjarakan	\$40

JADUAL — *sambungan*

(aturan 3)

16.	Permintaan sepina	\$10
17.	(a) Pengakusaksian tandatangan, sijil atau fakta pendaftaran oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Pendaftar Mahkamah Syariah	\$8
	(b) Apabila mengambil affidavit,akuan atau pengakuan, sama ada dilakukan di hadapan Hakim Mahkamah Syariah atau Pendaftar Mahkamah Syariah	\$8
	(c) Bagi setiap eksibit atau dokumen yang disebut dalam sesuatu dokumen yang dinyatakan dalam perenggan (b)	\$4
18.	Mencari atau memeriksa, bagi setiap satu jam	\$20
19.	Salinan rekod bagi setiap muka surat	\$2
20.	Salinan mana-mana dokumen lain bagi setiap muka surat	\$2
21.	Terjemahan mana-mana dokumen atau pengesahan terjemahan oleh mana-mana Jurubahasa atau Penterjemah Mahkamah bagi setiap muka surat	\$20
22.	Elaun kepada saksi-saksi —	
	(a) Saksi pakar. Perbelanjaan perjalanan yang munasabah dan untuk kehadiran bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya, sehingga —	\$80
	(b) Saksi lain. Perbelanjaan perjalanan yang munasabah dan untuk kehadiran bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya, sehingga —	\$20
23.	Permohonan bagi penyampaian ganti	\$20

JADUAL – *sambungan*

(aturan 3)

KOS

24. Kos yang diaward oleh Mahkamah Syariah hendaklah —

(a) tidak kurang dari \$400;

(b) tidak melebihi \$2,000,

untuk 5 jam pertama perbicaraan. Selepas itu kos hendaklah tidak kurang dari \$80 tidak lebih dari \$400 bagi setiap jam perbicaraan

25. Penetapan bil kos \$20

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 6 haribulan April, 2005.

PEHIN DATU IMAM DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG ABDUL HAMID BIN BAKAL
Ketua Hakim Syari'e,
Negara Brunei Darussalam.